



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

BAPA QAWWAM, WIRA TIDAK DIDENDANG

Tarikh Dibaca:

**19 REJAB 1447H /
9 JANUARI 2026**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**BAPA QAWWAM, WIRA TIDAK DIDENDANG****9 JANUARI 2026 / 19 REJAB 1447H**

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاصْرَبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعَكُمْ فَلَا تَسُوْغُوْنَ لَهُنَّ سَبِيْلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيْمًا كَبِيْرًا ﴿٣٤﴾﴾ النساء [34]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita memperbaharui ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya, jauhilah segala larangan-Nya dan binalah keluarga kita atas dasar iman dan tanggungjawab. Mimbar hari ini membawa pesanan bertajuk **“Bapa Qawwam, Wira Tidak Didendang”**.

Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa' ayat 34 yang dibacakan khatib pada permulaan khutbah itu tadi bermaksud:

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain, dan kerana mereka telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka”.

Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah,

Bapa ialah tiang dalam bangunan keluarga. Jika tiang itu condong, maka seluruh rumah akan retak. Tetapi jika tiang itu tegak dengan iman, sabar dan tanggungjawab, maka seisi rumah akan berdiri kukuh dengan kasih dan keberkatan.

Menjadi *qawwam* bukan sekadar memberi arahan, tetapi memberi teladan. Bukan hanya mencari rezeki, tetapi mencari reda. Bapa bukan hanya penjaga di dunia, tetapi pembimbing menuju syurga.

Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari:

أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ،
فَالْإِمَامُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: *“Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, kesemuanya bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. Imam adalah pemimpin ke atas orang ramai dan dia bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya”.*

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Kita hidup di zaman di mana ramai bapa diuji dengan desakan hidup, tekanan kerja dan tuntutan dunia tanpa henti. Ramai yang keluar sebelum anak bangun, pulang setelah anak tidur. Anak-anak membesar dengan nama bapa di bibir, tetapi tanpa sentuhan kasih di hati.

Setiap rumah tangga pasti diuji, namun ujian itu bukan untuk meruntuhkan, tetapi untuk menguatkan kasih yang hampir pudar. Apabila suami isteri kembali berpaut pada doa dan sabar, cinta yang hampir padam akan menyala semula dengan rahmat Allah. Rumah yang berasaskan iman tidak akan rebah hanya kerana badai dunia bahkan akan berdiri lebih teguh dengan kasih dan tanggungjawab yang berpaksikan takwa.

Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah,

Cabaran hari ini bukan sekadar ekonomi, tetapi cabaran akidah dan moral. Gelombang ideologi songsang seperti LGBT, fahaman liberal dan sekular mula menular melalui media sosial, hiburan dan persekitaran pendidikan.

Apabila akidah tidak ditanam di rumah, anak-anak akan mencari pegangan di luar. Apabila suara ayah diam, suara dunia akan menguasai. Oleh itu, bapa mesti menjadi pelindung akidah keluarga termasuk membina rumah yang bukan hanya berpagar besi, tetapi berpagar iman. Didik anak-anak agar mengenal Tuhan sebelum mengenal dunia. Kerana apabila mereka kenal Allah, mereka akan tahu batas diri dan erti harga maruah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Minggu ini anak-anak kita akan kembali ke sekolah. Ada yang naik darjah, ada yang melangkah ke tingkatan. Maka sebagai ayah dan ibu, jadikan saat ini peluang memperbaharui doa dan peranan kita.

Luangkan masa bertanya tentang hari mereka, dengar cerita kecil mereka, dan iringi langkah mereka ke sekolah dengan doa yang besar. Jangan semata menghantar anak ke pintu sekolah, tetapi hantarlah mereka ke pintu madrasah kehidupan dengan kasih, doa dan nilai iman.

Bapa yang bijaksana tidak hanya membina masa depan anak di atas sijil, tetapi di atas sujud dan adab. Kerana kejayaan tanpa akhlak hanyalah kemajuan yang kehilangan arah.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Tidak semua wira memakai jubah dan mahkota. Sebahagian wira memakai baju lusuh dan pulang dengan peluh di dahi. Itulah ayah kita, insan yang mungkin diam, tetapi menanggung doa yang tidak putus. Setiap ringgit yang dicari dengan halal adalah

sedekah. Setiap letih menanggung keluarga adalah jihad. Setiap doa ayah yang tidak disebut dengan lidah tetap didengar oleh Allah.

Namun ingatlah, wahai para ayah, jangan biarkan cinta dan rezeki mengatasi tanggungjawab mendidik. Anak bukan hanya perlu dilindungi tubuhnya, tetapi dibajai rohnya dengan ilmu dan kasih yang tulus.

Sebagai penutup khutbah, marilah kita merenung tiga inti utama hari ini:

- 1) Bapa mesti menjadi lelaki *qawwam*, pemimpin yang memimpin dengan iman, bukan dengan ego.
- 2) Keluarga akan bahagia apabila kasih dan tanggungjawab bersatu dalam takwa.
- 3) Didiklah anak-anak dengan agama dan doa, kerana itulah warisan paling berharga.

Sidang Jumaat yang dimulikan,

Apabila ayah menundukkan kepala dalam sujud, sebenarnya dia sedang meninggikan martabat keluarganya. Apabila ayah menahan sabar dalam ujian, sebenarnya dia sedang membina syurga untuk anak-anaknya.

Maka, wahai para ayah teruslah menjadi *qawwam*. Walau tiada siapa mendendangkan jasa kalian di dunia, yakinlah bahawa malaikat sedang menulis setiap pengorbanan itu di langit.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-قُرْتَوَانِ اِكْخُغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ قُرْمَايسُورِي اِكْخُغْ، رَاغْ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.